

JUAL BELI KETIKA AZAN JUMAAT

Solat Jumaat adalah wajib hanya ke atas lelaki yang baligh dan bukan wanita. Justeru, urusan jual beli antara lelaki dengan lelaki selepas azan pertama atau kedua dikumandangkan pada hari Jumaat adalah sah dan harus. Begitu juga keadaannya bagi mereka yang tidak wajib solat Jumaat kerana sebab lain seperti musafir dan sebagainya.

Oleh itu, hukum hanya berkisar kepada para lelaki, sama ada penjual lelaki, pembeli lelaki atau kedua-duanya sekali yang baligh dan tidak bermusafir, perbuatan ini termasuk urusan jual beli atas talian.

Asas hukum kewajipan solat Jumaat adalah melalui firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli, yang demikian itu lebih baik bagimu sekiranya kamu mengetahui.”*

(Surah al-Jumua 62:9)

Walaupun telah ijmak di kalangan ulama akan pengharaman jual beli dalam bentuk apa sahaja kaedah sama ada secara langsung atau secara atas talian semasa solat Jumaat berdasarkan ayat di atas, namun mereka berbeza pandangan dalam menentukan pengharaman itu jatuh sama ada selepas azan pertama atau kedua.

Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* menyatakan bahawa: “Apabila imam (khatib) telah berada di atas mimbar dan muazzin mula mengumandangkan azan, maka haram berjual beli ke atas kedua-dua (penjual dan pembeli) sama ada mereka diwajibkan solat Jumaat atau salah seorang sahaja daripada mereka yang wajib Jumaat. (al-Umm)

Imam Ibnu Kathir asy-Syafi'i *Rahimahullah* menyebutkan bahawa; “Para ulama bersepakat berkenaan pengharaman jual beli selepas azan kedua”. (Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir)

Walau bagaimanapun, jual beli yang berlaku selepas azan kedua adalah sah, namun perbuatan itu haram dan mereka yang terlibat adalah berdosa. Justeru, umat Islam dan para peniaga Muslim yang wajib solat Jumaat disarankan agar lebih berhati-hati serta berusaha menghindari perbuatan ini.

